

16/04/1997

## Contohi etika perniagaan Islam

KUALA LUMPUR, Selasa - Etika perniagaan Islam wajar dicontohi semua usahawan tanpa mengira agama dalam mewujudkan suasana perniagaan harmoni dan mengelak penindasan.

Timbalan Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Syed Othman Alhabshi, kesedaran perlunya ahli perniagaan mempunyai etika dan moral sudah muncul dua dekad lalu berikutan peningkatan penyelewengan dalam bidang itu.

Beliau akan menghuraikan secara terperinci mengenai isu ini dalam kertas kerjanya 'Etika Perniagaan Islam Dalam Persekitaran Global' di Simposium Antarabangsa Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad ke 21 di Hotel Sunway Lagoon Resort, Petaling Jaya, 25 April ini.

Seminar tiga hari itu dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford. Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut dijadual menyampai ucapan. Berita Harian dipilih sebagai akhbar rasmi seminar itu.

Dr Syed Othman berkata, pendidikan etika dan moral dalam perniagaan perlu dididik di kalangan generasi muda bagi memastikan masalah ini tidak terus membelenggu dunia perniagaan.

"Dalam masa yang sama, agama memainkan peranan penting bagi memastikan penganutnya yang terbabit dalam perniagaan mengikuti garis panduan yang ditetapkan seperti bersikap adil, jujur dan amanah.

"Masyarakat dunia mengiktiraf perlunya ahli perniagaan mempunyai etika tertentu supaya tidak melakukan penindasan dan konsep ini selari dengan syariah Islam," katanya.

Antara yang akan menyertai simposium itu ialah Prof Khurshid Ahmad, M Fahmy Howeidy dan Wiliam Robert Roff. Wiliam adalah seorang pakar dalam kajian Islam dan sejarah. Beliau telah menerbitkan lebih 25 hasil karya dan fasih berbahasa Malaysia, Arab dan Roman.

(END)